

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH : 18 MAC 2016



AHLI Majlis Norhalim Sirome (empat dari kanan) bersama Persatuan Penduduk Taman Universiti Utama Seksyen 30 ceria selepas menjuarai Kategori Taman Perumahan pada Pertandingan Anugerah Hijau Zon Bersih Mini (Mini Zeebee) Antara Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Shah Alam 2015.



NG (tengah) bersama Persatuan Penduduk 13/14 dan 17/18 Melati Seksyen U16 ceria selepas dinobatkan juara Kategori Perumahan Bertingkat.

manakala kategori Kampung Tradisional pula dimenangi JKKK Kampung Budiman Seksyen U14.

Johan anugerah utama membawa pulang wang tunai RM10,000, naib johan (RM7,000) dan tempat ketiga (RM5,000) manakala Johan Pengerusi MPP menerima RM3,000, naib johan

FAKTA
Pemenang anugerah utama bawa RM10,000

(RM2,000) dan tempat ketiga (RM1,000) yang disampaikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Pertandingan Mini Zeebee itu dimulakan pada 2013 bertujuan memupuk kesedaran terhadap kebersihan melalui pembabitian komuniti serta mempereratkan permua-

fakatan masyarakat di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Sementara itu, Datuk Bandar Shah Alam Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, Pertandingan Mini Zeebee bertujuan memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada persatuan penduduk, rukun tetangga dan JKKK atas usaha mereka melaksanakan pelbagai program di

peringkat komuniti masing-masing.

"Persatuan penduduk, MPP dan pemimpin masyarakat seharusnya diberi pengiktirafan atas usaha merancang dan melaksanakan program yang memanfaatkan umum.

"MBSA sentiasa menggalakkan penganjuran aktiviti dan pertandingan ini supaya agenda pembangunan dapat terus diperkasakan," katanya.

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH : 18 MAC 2016

Berkat kerjasama semua'

■ Penduduk Jalan 13/14,
Jalan 17/18 Melati Seksyen U16
sapu 5 anugerah Mini Zeebee

Oleh Naimah Mohamed
hmetroshahalam@hmetro.com.my

Shah Alam

Bukan mudah untuk menyatukan penduduk berbilang kaum dalam satu tempat terutama di kawasan pangsapuri kos sederhana dan rendah yang sering dilabel sebagai golongan yang kurang bermasyarakat.

Bagaimanapun, pandangan itu terbukti salah apabila penduduk Jalan 13/14 dan Jalan 17/18 Melati Seksyen U16 berjaya menggondol lima anugerah dalam Pertandingan Anugerah Hijau Zon Bersih Mini (Mini Zeebee) Antara Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Shah Alam 2015, baru-baru ini.

Lima anugerah yang dimenangi persatuan penduduk berkenaan adalah Anugerah Kriteria Penjurian (Kebersihan), Anugerah Khas Juri (Inovasi), Anugerah Khas Juri (Tanggungjawab Sosial Korporat), Johan Anugerah Utama Kategori Perumahan Bertingkat dan Johan Pengerusi MPP Mini Zeebee Terbaik.

Bekas Pengerusi Persatuan Penduduk, Ng Li Li, 65, yang memenangi Anugerah Pengerusi MPP Mini Zeebee berkata, beliau tidak akan mengesakan kejayaan itu sekiranya tidak mendapat kerjasama penduduk.

Katanya, walaupun masyarakat sering memandang penduduk perumahan bertingkat terutama yang kos sederhana serta rendah sebagai golongan yang tidak berkelayakan, namun mereka berjaya membuktikan sebaliknya.

"Persatuan penduduk kami tidak putus-putus dengan aktiviti serta pengisian yang membabitkan semua peringkat umur dan bangsa.

"Semua program yang dianjurkan mendapat sambutan penduduk atas dasar perpaduan tanpa perlu dipaksa dan kejayaan saya tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama mereka semua," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian anugerah berkenaan, baru-baru ini.

Bagi Anugerah Utama Kategori Taman Perumahan, tempat pertama dimenangi Persatuan Penduduk Taman Universiti Utama Seksyen 30